

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

NAMA : _____
KELAS : _____

TARIKH : _____
HARI : _____

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Aku Sebagai Sebuah Tabung

mengira	berkhidmat	wang kertas dan syiling	dengan wang
mengumpul	ramai pengunjung	kedai cenderamata	sebuah bank



Aku sebagai sebuah tabung. Aku dipamerkan di sebuah _____. Aku diletakkan di atas rak kaca. Setiap hari _____ yang datang melihatku. Pada suatu hari, seorang budak lelaki telah membeliku. Aku dibawa pulang ke rumah. Aku diletakkan di atas almari di dalam biliknya. Setiap hari aku diisi _____. Terdapat pelbagai _____ di dalam badanku. Aku berasa bangga kerana budak lelaki itu menjagaku dengan baik.

Beberapa bulan kemudian, badanku pun penuh dengan wang. Budak lelaki itu berasa sangat gembira. Pada suatu hari, aku dibawa ke


_____. Pegawai bank itu mengambil aku, lalu
_____ wang yang terkumpul.

Aku berasa gembira kerana tuan aku berjaya _____
wang sebanyak RM300.00 dalam masa lima bulan. Tuan aku tersenyum
lebar dan terus menyimpan wang tersebut ke dalam akaunnya. Aku
masih lagi _____ dengan setia dan dijaga dengan baik.

B. Padankan gambar berikut dengan ayat yang sesuai.



Kambing meragut
rumput di padang.



Saya memakai payung
semasa hari hujan.



Rina suka menyanyi
lagu.



Anjing itu sedang
menggonggong tulang.



Abang menjolok
manga dengan galah.



Rosli terlantar di
rumah kerana sakit.



Ibu memasak rendang
di dapur.



Saya bermain bola
setiap petang.



Amalina pandai
menjahit baju.



Puan Gina menyidai
baju yang telah dicuci
di ampaian pada
waktu pagi.



Sofia mencuci tandas
yang kotor dengan
menggunakan brus.

C. Bina 5 ayat mudah berdasarkan gambar yang diberikan.



Siapa	Pelakuan	Perkara
<i>Contoh: Pasangan pengantin itu</i>	<i>duduk</i>	<i>di atas pelamin.</i>


1. *Pasangan pengantin itu duduk di atas pelamin.*

2.

3.

4.

5.



Siapa	Pelakuan	Perkara

1.

2.

3.

4.

D. Fahami petikan berikut dan lengkapkan peta minda tersebut.

Usahawan Beras

Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad ialah pengasas jenama Beras Faiza. Beliau berasal dari Mesir. Beliau mula berkecimpung dalam perniagaan sejak kecil, iaitu dengan menjadi juruwang di kedai makanan milik bapanya. Pengalaman tersebut mendorong Hajah Faiza untuk bergiat dalam bidang perniagaan.

Setelah berkahwin dan mempunyai cahaya mata yang pertama, Hajah Faiza mengikut suaminya pulang ke Malaysia. Beliau yang tidak boleh duduk diam, mula mengambil upah menjahit. Selain itu, beliau juga menjual rempah kari secara kecil-kecilan sejak tahun 1968. Keuntungan yang diperoleh, dijadikannya modal untuk membuka kedai runcit. Dari situlah bermula perniagaan Hajah Faiza.

Hajah Faiza seorang wanita yang tegas demi memastikan syarikatnya sentiasa memperoleh keuntungan saban tahun. Oleh itu, beliau mula mengembangkan perniagaan dengan menjadi pemborong beras. Beliau menjual pelbagai jenis beras seperti Taj Mahal, basmathi, beras wangi, beras tempatan dan beras Siam. Perniagaan berasnya mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling. Berasnya berkualiti tinggi dan dijamin halal.

Hasil kerja kerasnya, beliau berjaya memiliki kilang yang bernilai RM14 juta di Batu Pahat, Johor. Beliau berhasrat untuk menjadi pembayar zakat terbesar di Malaysia dan menaja program televisyen *Bersamamu*. Kejayaan beliau wajar dicontohi oleh rakyat Malaysia.



